

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 10 Mei 2016 16:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERSATU SAMBUT LAWATAN UiTM JENGKA PAHANG



10 MEI 2016 / 03 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

PERSATU SAMBUT LAWATAN UiTM JENGKA PAHANG



ANJUNG TAMU ONLINE: Kampus Jengka merupakan salah satu daripada cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang terletak di negeri Pahang Darul Makmur.

Cawangan kampus tersebut yang ditubuhkan pada tahun 1985 dan kemudiannya berpindah ke Jengka pada tahun 1993 tidak jauh dengan usia UUM yang ditubuhkan pada tahun 1984.

Ketua Pusat Pengajian Perakaunan UiTM Jengka, Mohd. Aripin Amat yang ditemui di UUM Welcome Centre berkata bahawa beliau dan rakan akademik UiTM Jengka amat berbesar hati dapat mengeratkan silaturahim dengan Persatuan Staf Akademik UUM (PERSATU) di samping dapat menjalin kolaborasi dengan Universiti Pengurusan Terkemuka dalam pelbagai bidang.

Sementara itu, mereka yang disambut oleh Presiden Persatuan Staf Akademik UUM (PERSATU) Prof. Madya Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan serta exco PERSATU Al-Hanisham Mohd. Khalid begitu terkesan dengan keunikan reka bentuk bangunan, maklumat serta bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre.

“Sangat menarik dan dapat menambah ilmu dengan penerangan jelas yang diberikan”.

“Teruskan usaha”, kata Mohd. Aripin.

Dalam pada itu, sejeurus selepas lawatan di Welcome Centre, PERSATU menganjurkan perlawanan bola sepak persahabatan dengan UiTM.

Justeru, Discover UUM turut menyaksikan bahawa lawatan tersebut bakal menghasilkan pelbagai kerjasama di antara PERSATU dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

